

KESAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN TERHADAP MINAT DAN SIKAP PELAJAR BAGI KURSUS DBM30043 POLITEKNIK KOTA BHARU

Nazihah Binti Che Rozan^{1,*}, dan Wan Izyani Binti Wan Jusoh²

¹ Jabatan Matematik Sains Dan Komputer, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

² Jabatan Matematik Sains Dan Komputer, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

*Corresponding author: nazihah@pkb.edu.my

Received 10 June 2023: Accepted 9 July 2023: Available online 1 November 2023

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran secara atas talian atau e-pembelajaran merupakan satu kelaziman baru yang tidak asing lagi dalam bidang pendidikan. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terhadap sikap dan minat pelajar terutama bagi pelajar kursus *Electrical Engineering Mathematics* (DBM30043) di Politeknik Kota Bharu. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya. Seramai 53 orang responden yang terdiri daripada pelajar tiga program iaitu DEP, DET dan DEE yang mendaftar kursus DBM30043 telah menjawab soal selidik yang diedarkan melalui Aplikasi *WhatsApp*. Data telah dianalisis menggunakan Microsoft Excel. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terhadap sikap pelajar berada pada tahap sederhana (min = 3.406). Manakala, kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian bagi minat pelajar juga berada pada tahap tinggi (min = 3.693). Nilai min keseluruhan bagi kajian ini adalah 3.549. Ini menunjukkan kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terhadap minat dan sikap pelajar adalah sederhana. Oleh yang demikian, pengajaran dan pembelajaran secara atas talian masih relevan dan boleh dilaksanakan secara hibrid bersama pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka bagi memastikan hasil pembelajaran kursus dapat dicapai.

Keywords: Pengajaran dan pembelajaran atas talian, sikap, minat

PENGENALAN

Penularan virus SARS-CoV-2 telah menjadi punca kepada pandemik Covid-19. Virus maut ini sangat cepat merebak sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh negara di mana rakyat dinasihatkan untuk berada di rumah atau bekerja dari rumah. Wabak ini memberi implikasi kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan negara. Situasi ini mendorong Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan saranan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaksanakan tindakan yang sewajarnya bagi memutuskan rangkaian penularan COVID-19 dengan menutup semua kemudahan Pendidikan tinggi (Mohd Rohiman Subri, 2021). Bagi mengelakkan pembelajaran pelajar tidak tergendala sepanjang tempoh PKP, KPT telah membuat perubahan di mana institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia perlu melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPr) secara atas talian (AzziHuck & Shmis 2020 ; Shahzad et al, 2020). Keadaan ini telah menyebabkan mod pengajaran dan pembelajaran tradisional atau secara bersemuka diubah kepada mod pengajaran dan pembelajaran secara atas talian bagi mengawal penularan wabak secara besar-besaran

Pembelajaran secara atas talian adalah proses pengajaran dan pembelajaran jarak jauh secara maya yang menggunakan pelbagai peranti berteknologi dan talian internet sepenuhnya (Siemens, Gasevic & Dawson, 2015). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh para pendidik bagi memastikan objektif dan kehendak pembelajaran dapat dicapai walaupun PdPr dilaksanakan secara atas talian. Aplikasi atas talian seperti Google meets, Zoom, Microsoft Teams, Webex dan Google Classroom digunakan sebagai platform untuk berinteraksi secara maya (Larry, 2020). Selain itu, aplikasi yang boleh dipasang di dalam peranti mudah alih seperti WhatsApp dan Telegram turut dimanfaatkan bagi memastikan maklumat, arahan dan latihan dapat disampaikan dengan cepat dan mudah. Menurut Norbayah dan Norazah (2010), penggunaan teknologi mudah alih sebagai medium pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan komunikasi berkesan antara pelajar dan pensyarah serta menggalakkan penglibatan pelajar semasa kelas yang dilaksanakan di atas talian. Kawasan liputan capaian akses internet melalui penyedia rangkaian telekomunikasi seperti Celcom, Maxis, Digi, Umobile dan sebagainya turut diperluaskan.

Walau bagaimanapun, terdapat halangan yang perlu diatasi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di atas talian terutama bagi pendidik dan pelajar yang berada di kawasan luar bandar. Hafiza Abas (2020) menyatakan masalah teknikal, gangguan capaian internet, bahan bantu mengajar yang terhad, tiada kemudahan peranti pintar dan kesediaan serta kesedaran pengguna terhadap teknologi baharu menjadi faktor penyebab epembelajaran lambat berkembang di Malaysia. Kekangan kemudahan dan suasana pembelajaran yang kurang kondusif di rumah boleh mengganggu tumpuan pelajar untuk mengikut pembelajaran. Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas pelajar bagi kursus DBM30043 di Politeknik Kota Bharu mengenai kesan terhadap minat dan sikap pelajar apabila mengikuti kelas di atas talian. Dapatan yang diperolehi daripada kajian ini boleh digunakan untuk menentukan sama ada pengajaran dan pembelajaran di atas talian wajar diteruskan atau tidak.

PERNYATAAN MASALAH

Perubahan dari segi corak pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kepada pengajaran dan pembelajaran secara atas talian boleh memberi kesan positif atau negatif kepada pelajar. Ini kerana pensyarah tidak dapat mengawasi setiap pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian disebabkan oleh faktor keberadaan pelajar di tempat yang berbeza. Pensyarah juga tidak dapat mengenalpasti sama ada pelajar mendapat apa yang hendak disampaikan oleh pensyarah disebabkan pelajar tidak berinteraksi dengan pensyarah secara bersemuka. Pelbagai cabaran dihadapi oleh pensyarah bagi memastikan pelajar dapat mengikuti pengajian dengan baik dan selesa. Pensyarah perlu lebih kreatif bagi memastikan ilmu dapat disampaikan dengan baik. Hal ini dapat dibuktikan dari kajian Bani Hidayat et al. 2020 mengatakan bahawa penggunaan visual bukanlah semudah yang disangkakan. Penggunaan teknologi masa kini membolehkan pelajar berfikir secara lebih meluas dan kreatif. Pelajar dapat mencari input-input penting dari laman sesawang atau bertanya secara dalam talian menerusi aplikasi whatsapp atau telegram kepada pengajar. Penggunaan visual juga dapat membantu meningkatkan minat dan motivasi pelajar. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan

untuk mengetahui sama ada pelajar berasa seronok dan selesa belajar secara atas talian di samping pensyarah dapat menambah baik keadah pengajaran sedia ada.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dikaji bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut :

- i. Mengenalpasti kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terhadap minat pelajar dalam kursus yang diikuti.
- ii. Mengenalpasti kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terhadap sikap pelajar dalam kursus yang diikuti.

KAJIAN LITERATUR

Pengajaran dan pembelajaran atas talian merupakan salah satu cara pengajaran yang digunakan pada masa kini. Pembelajaran dalam talian merupakan salah satu cara aktiviti akademik yang disalurkan melalui penerapan teknik digital dan internet yang kini dipelbagaikan semula sebagai pembelajaran dan pengajaran (Nilavani et al. 2021). Seiring dengan itu, pelajar dan pendidik perlu memahami asas-asas komputer dan beberapa aplikasi seperti Youtube, Google Meet, Google Classroom dan sebagainya. Melalui pengajaran dan pembelajaran atas talian ini, pendidik dan pelajar perlu memberikan kerjasama yang sewajarnya agar pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik. Pengalaman pembelajaran atas talian telah membuka ruang kepada pengguna dan seterusnya meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan internet (Abdul Aziz et al. 2020). Melalui pengajaran dan pembelajaran atas talian, pelajar boleh menuntut ilmu di mana sahaja tanpa perlu hadir ke suatu tempat yang spesifik. Pelajar hanya memerlukan alatan teknologi seperti telefon bimbit atau komputer dan kemudahan internet sahaja untuk mengikut aktiviti pembelajaran.

Menurut kajian Norul Naim et al. (2021), sikap yang positif terhadap pelajaran boleh didapati tetapi motivasi pelajar pula menunjukkan kurang positif. Pengajaran dan pembelajaran secara segerak iaitu secara bersemuka membolehkan pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan guru dan pelajar yang lain. Jika dibandingkan dengan pembelajaran secara dalam talian, interaksi di antara pendidik dan murid akan berkurang. Sebagai contoh, sewaktu menggunakan Google Meet, jika berlaku masalah gangguan internet, pelajar tidak dapat mengikut kelas dengan baik dan kemungkinan tertinggal dalam pelajaran. Minat pelajar boleh didapati dalam dua aspek iaitu keinginan pelajar yang ditunjukkan dalam penerokaan cabaran dan keseronokan yang ditunjukkan oleh setiap pelajar. (Norul Naim et al. 2021). Pelajar boleh mencari input atau nota tambahan secara dalam talian atau bertanya secara langsung dengan pendidik menerusi aplikasi Whatsapp atau Telegram. Hal ini disokong dengan kajian Marpuah et al. (2022) bahawa pengajaran dan pembelajaran atas talian merupakan salah satu kesan positif iaitu memudahkan pelajar untuk menyelesaikan tugas yang diberi oleh pendidik. Hal ini juga membolehkan pelajar untuk berfikir dengan kreatif dan inovatif berdasarkan rujukan tambahan yang diperolehi daripada kajian sendiri yang dilakukan. Siti Azura et al. 2021 dalam kajiannya mendapati bahawa secara keseluruhan nilai min yang paling tinggi iaitu 3.8046 dimana 63.9% iaitu sebanyak 142 responden daripada 229 responden berpendapat bahawa

keseluruhan pembelajaran dalam talian memberikan kesan yang baik kepada mereka. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian juga merupakan salah satu cara untuk menarik minat pelajar dalam mengetahui lebih lanjut tentang mata pelajaran yang dipelajari. Menurut kajian Rozelia, Farakhanna et al. (2022), pengajaran dan pembelajaran dalam talian bukan hanya melibatkan pelajar sahaja, pendidik juga perlu berfikir secara kreatif dan inovatif dalam menyampaikan ilmu. Hal ini akan menarik minat pelajar untuk fokus semasa sesi pembelajaran. Pendidik juga perlu menyediakan nota - nota secara atas talian yang menarik sama ada dalam bentuk gambar, video atau slaid perbentangan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif untuk mendapatkan data maklum balas pelajar. Pengkaji menggunakan instrument borang soal selidik dalam bentuk Google Form. Pautan borang diedarkan kepada pelajar kursus Electrical Engineering Mathematics (DBM30043) melalui aplikasi WhatsApp untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Penggunaan borang soal selidik secara atas talian lebih praktikal dan berkesan untuk mendapatkan data kajian dengan mudah, cepat dan cekap serta dapat dicapai oleh ramai responden. Seramai 53 responden yang terdiri daripada pelajar tiga program iaitu DEP, DET dan DEE yang pernah mendaftar kursus DBM30043 di Politeknik Kota Bharu menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Responden dipilih berdasarkan pengalaman responden yang pernah mengikuti pembelajaran secara atas talian.

Borang soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada 4 bahagian. Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden. Manakala bahagian B mengandungi 8 item berkaitan dengan kesan pengajaran dan pembelajaran atas talian terhadap sikap pelajar dan bahagian C mengandungi 7 item berkaitan dengan kesan pengajaran dan pembelajaran atas talian terhadap minat pelajar. Akhir sekali bahagian D berkaitan ulasan atau komen daripada responden. Lima ukuran Skala Likert digunakan bagi tujuan menganalisa data iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju digunakan dalam borang soal selidik. Tahap persetujuan Skala Likert adalah seperti jadual 1.

Jadual 1. Tahap persetujuan Skala Likert

Tahap	Skor Min	Peringkat	Skala
Tahap Rendah	1.00 – 2.33	Sangat Tidak Setuju (STS)	1
		Tidak Setuju (TS)	2
Tahap Sederhana	2.34 – 3.66	Tidak Pasti (TP)	3
		Setuju (S)	4
Tahap Tinggi	3.67 – 5.00	Sangat Setuju (SS)	5

Sumber : Diadaptasi daripada Mohd Majid,K (2000)

Pembinaan instrumen kajian telah diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan soal selidik daripada penyelidik terdahulu. Jadual 2 menunjukkan pecahan instrument soal selidik yang digunakan.

Jadual 2. Instrumen soal selidik

Bahagian	Faktor	Instrumen
A	Demografi	Latar belakang; Nama, jantina, Program Pengajian, Semester pelajar mendaftar kursus DBM30043, peranti yang digunakan.
B dan C	Kesan terhadap minat dan sikap	Diadaptasi dan diubahsuai daripada soal selidik kajian Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman (2022) dan Saad, Z.M., Khodzirah, A, Shahir, S., & Johana, J. (2022)
D	Komen dan ulasan	Pendapat daripada responden

Dalam analisa data ini, pengkaji menggunakan Microsoft Office Excel bagi mendapatkan keputusan peratus, min dan juga sisihan piawai untuk melihat kesan pengajaran dan pembelajaran atas talian terhadap sikap dan minat pelajar. Menurut Maisurah et al. (2022), Microsoft Excel merupakan salah satu medium yang sering digunakan untuk menganalisis data dengan mudah.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Sampel Kajian

Demografi 53 orang responden yang telah menjawab soal selidik merangkumi maklumat seperti nama, jantina, program pengajian, semester pelajar mendaftar kursus DBM30043, peranti dan akses internet yang digunakan.

Jadual 3. Analisa kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.

Jantina	Kekerapan	Peratus(%)
Lelaki	48	90.56
Perempuan	5	9.43

Hasil analisis jantina mendapati responden terdiri daripada 48 orang (90.56%) pelajar lelaki dan 5 orang (9.43%) merupakan pelajar perempuan yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini.

Jadual 4. Analisa kekerapan dan peratus responden mengikut program pengajian.

Program pengajian	Kekerapan	Peratus (%)
DEP	6	11.32
DET	25	47.16
DEE	22	41.50

Merujuk jadual 4, jumlah keseluruhannya responden yang menjawab soal selidik terdiri daripada 3 program pengajian iaitu DEP seramai 6 orang pelajar (11.32%), DET seramai 25 orang pelajar (47.16%) dan DEE seramai 22 orang pelajar (41.50%).

Jadual 5. Analisa kekerapan dan peratus responden mengikut semester pengajian mendaftar kursus DBM30043

Semester mendaftar kursus	Kekerapan	Peratus(%)
Semester 3	29	54.72
Semester 4	20	37.73
Semester 5	1	5.66

Manakala jadual 5 menunjukkan seramai 29 orang pelajar (54.72%) yang mendaftar kursus pada semester 3, seramai 20 orang pelajar (37.73%) mendaftar kursus pada semester 4, seorang pelajar (1.89%) mendaftar pada semester 5 dan 3 orang pelajar (5.66%) mendaftar kursus pada semester 6.

Jadual 6. Peranti yang digunakan untuk pembelajaran atas talian

Peranti atau gajet yang digunakan	Kekerapan
Telefon pintar	34
Tablet	24
Komputer	9
Laptop	29

Berdasarkan data yang diperolehi dalam jadual 6, terdapat responden yang menggunakan lebih daripada satu peranti untuk mengikuti pembelajaran atas talian. Peranti yang paling tinggi digunakan oleh pelajar ialah telefon pintar dengan kekerapan 34 dan komputer mencatat kekerapan yang paling rendah iaitu 9. Kebanyakan responden menggunakan data mudah alih sebagai akses internet yang utama untuk pembelajaran atas talian iaitu sebanyak 90%.

Kesan pengajaran dan pembelajaran dalam talian terhadap sikap pelajar

Hasil dapatan daripada analisa data di dalam jadual 7 didapati item B1, B2 dan B3 menunjukkan nilai skor min berada pada tahap tinggi. Pernyataan item yang mendapat nilai skor min yang paling tinggi adalah pernyataan B3 'Pembelajaran atas talian memberi waktu yang fleksibel untuk saya belajar' (min = 3.830, SP = 0.966) diikuti B1 (min = 3.698, SP = 0.963) dan B2 (min = 3.660, SP = 1.027). Manakala, item B4, B5, B6, B7 dan B8 mendapat nilai skor min pada tahap sederhana dengan nilai bagi pernyataan B4 (min = 3.642, SP = 1.048), B5 (min = 3.415, SP = 1.106), B6 (min = 3.490, SP = 1.109), B7 (min = 2.547, SP = 1.267), dan B8 (min = 2.962, SP = 1.258), Pernyataan yang menunjukkan nilai skor min paling rendah adalah pernyataan B7 'Saya suka meniru semasa penilaian dilaksanakan di atas talian'. Ini menunjukkan pelajar berasa selesa dan mempunyai sikap yang baik serta amanah semasa pelaksanaan penilaian secara atas talian. Skor min keseluruhan bagi kesan pengajaran dan pembelajaran atas talian terhadap sikap pelajar adalah berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.406 dan sisihan piawai = 1.093.

Jadual 7. Analisa data kesan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian terhadap sikap pelajar

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
B1	Saya seronok belajar secara atas talian	1 (1.9)	8 (15.1)	7 (13.2)	28 (52.8)	9 (17)	3.698	0.963
B2	Saya berasa selesa belajar di atas talian	-	10 (18.9)	10 (18.9)	21 (39.6)	12 (22.6)	3.660	1.027
B3	Pembelajaran atas talian memberi waktu yang fleksibel untuk saya belajar	-	9 (17)	3 (5.7)	29 (54.7)	12 (22.6)	3.830	0.966
B4	Saya lebih yakin untuk bertanya semasa pembelajaran di atas talian	2 (3.8)	7 (13.2)	9 (17)	25 (47.2)	10 (18.9)	3.642	1.048
B5	Saya lebih mudah untuk memahami isi kandungan pelajaran semasa kelas di atas talian	2 (3.8)	12 (22.6)	9 (17)	22 (41.5)	8 (15.1)	3.415	1.106
B6	Pembelajaran atas talian mendorong saya untuk lebih aktif dalam aktiviti kelas	1 (1.9)	9 (17.3)	10 (19.2)	24 (46.2)	8 (15.4)	3.490	1.109

B7	Saya suka meniru semasa penilaian dilaksanakan di atas talian	14 (26.4)	14 (26.4)	11 (20.8)	10 (18.9)	4 (7.5)	2.547	1.267
B8	Pembelajaran atas talian menyebabkan saya malas untuk bergerak aktif	8 (15.1)	13 (24.5)	11 (20.8)	15 (28.3)	6 (11.3)	2.962	1.258
	Min keseluruhan						3.406	1.093

Kesan pengajaran dan pembelajaran dalam talian terhadap minat pelajar

Analisa data daripada jadual 8 menunjukkan nilai skor min yang diperolehi bagi item C3 (min = 3.867, SP = 0.861), C4 (min = 3.717, SP = 1.053), C5 (min = 3.755, SP = 0.888), dan C7 (min = 3.868, SP = 0.848) berada pada tahap tinggi. Pernyataan item C7 'Saya sentiasa bersedia untuk mengikut pembelajaran di atas talian.' menghasilkan nilai skor min yang paling tinggi. Manakala nilai skor min bagi item C1 (min = 3.509, SP = 1.075), C2 (min = 3.566, SP = 0.922) dan C6 (min = 3.547, SP = 1.019) berada pada nilai skor min tahap sederhana. Pernyataan item yang mendapat nilai skor min paling rendah adalah pernyataan C1 'Saya lebih berminat untuk mengikut pengajaran dan pembelajaran atas talian'. Skor min keseluruhan bagi pengajaran dan pembelajaran atas talian terhadap minat pelajar berada pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.693 dan sisihan piawai = 0.952.

Jadual 8. Analisa data kesan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian terhadap minat pelajar.

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
C1	Saya lebih berminat untuk mengikut pengajaran dan pembelajaran atas talian.	-	8 (15.4)	16 (30.8)	18 (34.6)	10 (19.2)	3.509	1.075
C2	Saya suka mengambil bahagian dalam aktiviti yang dilaksanakan atas talian.	-	9 (17)	12 (22.6)	25 (47.2)	7 (13.2)	3.566	0.922
C3	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian membantu	1 (1.9)	4 (7.5)	5 (9.5)	33 (62.3)	10 (18.9)	3.867	0.861

	meningkatkan pemahaman saya.							
C4	Penggunaan aplikasi atas talian menarik minat saya untuk belajar.	-	6 (11.5)	11 (21.2)	23 (44.2)	12 (23.1)	3.717	1.053
C5	Pembelajaran atas talian memudahkan saya berinteraksi dengan pensyarah dan rakanrakan.	-	7 (13.2)	8 (15.1)	29 (54.7)	9 (17)	3.755	0.888
C6	Saya dapat memberi tumpuan yang baik semasa pembelajaran di atas talian.	1 (1.9)	8 (15.1)	15 (28.3)	19 (35.8)	10 (18.9)	3.547	1.019
C7	Saya sentiasa bersedia untuk mengikut pembelajaran di atas talian.	-	5 (9.4)	8 (15.1)	11 (20.8)	11 (20.8)	3.868	0.848
	Min keseluruhan						3.693	0.952

Jadual 9 menunjukkan hasil dapatan nilai skor min keseluruhan bagi kajian kesan pengajaran dan pembelajaran atas talian terhadap sikap dan minat pelajar bagi kursus DBM30043. Skor min keseluruhan bagi kajian ini berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.549 dan sisihan piawai 1.023.

Jadual 9. Skor min dan sisihan piawai keseluruhan kajian

Aspek yang dikaji	Min	Sisihan Piawai
Kesan terhadap sikap pelajar	3.406	1.093
Kesan terhadap minat pelajar	3.693	0.952
Min keseluruhan	3.549	1.023

PERBINCANGAN

Keputusan analisis data kajian ini menunjukkan bahawa kesan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian terhadap sikap dan minat pelajar berada pada tahap sederhana. Dapatan analisis terhadap sikap menunjukkan ramai pelajar berasa seronok dan lebih yakin untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Pembelajaran atas talian dapat menyokong pembelajaran sendiri dan membantu pelajar untuk berfikir secara kreatif dan inovatif dalam mencari nota-nota tambahan. Pelajar juga dapat menuntut ilmu di mana sahaja hanya dengan menggunakan alatan teknologi yang terdapat pada masa kini. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai kemudahan seperti telefon pintar, tablet dan laptop serta akses internet untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian, Ini menunjukkan pelajar berminat dan sentiasa bersedia untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian pada bila-bila masa sahaja. Aktiviti yang dilaksanakan secara atas talian dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Ini selari dengan dapatan analisis yang menunjukkan nilai skor min pada tahap tinggi bagi kesan terhadap minat pelajar. Pendidik perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti menggunakan bahan bantu mengajar yang kreatif agar dapat menarik minat pelajar. Penggunaan aplikasi atas talian yang interaktif juga mampu meningkatkan minat pelajar terhadap kandungan pelajaran yang diajar. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan keadaan persekitaran di rumah yang kurang sesuai dan gangguan talian internet boleh mengganggu tumpuan pelajar semasa kelas secara atas talian di rumah. Menurut kajian Zarina Mat Saad et.al 2022, transformasi kaedah pembelajaran dan pengajaran ini menunjukkan bahawa kesediaan pelajar, pengajar, sistem dan alatan pengajaran masih lagi berada di tahap yang rendah.

KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran atas talian dapat memberikan impak yang positif kepada prestasi akademik pelajar. Antaranya ia membolehkan pelajar untuk mengikuti kelas secara atas talian di mana- mana sahaja yang mempunyai akses internet. Selain itu, ia juga menawarkan fleksibiliti dari segi masa memandangkan pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran yang disediakan oleh pendidik secara atas talian pada bila-bila masa. Ini membolehkan pelajar untuk menguruskan aktiviti pembelajaran dengan baik. Walau bagaimanapun, kemudahan seperti peralatan yang digunakan, keadaan persekitaran pembelajaran yang baik, bahan-bahan pembelajaran yang disediakan dan motivasi yang tinggi juga diperlukan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dapat mencapai objektif yang sepatutnya. Oleh itu, bagi mengimbangi kesan terhadap hasil pembelajaran kepada semua pelajar, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka perlu diteruskan. Di samping turut disokong oleh pembelajaran secara dalam talian demi menghasilkan pelajar yang berkualiti.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ishak, Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat *et al.* Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan Terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, e-ISSN: 2682-826X. 2020; Volume 2, No 4: 68 – 82.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, e-ISSN: 2682-862X.2020; Vol.2, No.2: 213-221 Makhtar, N.N., Rosli, S. N. A., & Taha, H. Kesan Jenis Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Pelajar Bagi Subjek Fizik. *Journal of Science and Mathematics Letters*. 2021; Volume 9, (1): 60 – 76.
- Mohd Majid Konting. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka; Mohd Rohiman Subri. Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes. *Journal of Malay language, Education and Literature*.2021: 21- 23
- Muhamad Suhaimi Taat *et al.* Pembelajaran Atas Talian, Media Digital dan Sikap Akademik Pelajar: Satu Tinjauan di Negeri Sabah. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 2020; Volume 7(11) Norbayah Mohd Suki & Norazah Mohd Suki. The usage of mobile device for learning: A case study. *IJUTFD*. 2010; Volume 1 (1): 1-11
- Nilavani A/P Mahalingam, Khairul Azhar Jamaludin. Impak dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, e- ISSN: 2682-826X. 2021: Volume 3, No. (4): 104-115
- Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. Pembelajaran Secara Dalam Talian: Tahap Kesediaan dan Keberkesanan Pelaksanaannya Kepada Pelajar. *LSP International Journal*.2022; Volume 9, (1): 31– 43.
- Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. Pembelajaran Secara Dalam Talian: Tahap Kesediaan dan Keberkesanan Pelaksanaannya Kepada Pelajar. *LSP International Journal*.2022; Volume 9, (1): 31– 43.
- Saad, Z.M., Khodzirah, A, Shahir, S., & Johana, J. Persepsi terhadap pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa pandemik dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25: 191-216
- Shahzad, A., Hassan, R., Abdullah, N.I., Hussain, A., & Fareed, M. COVID-19 impact on e-commerce usage: An empirical evidence from Malaysian healthcare industry. *Humanities & Social Sciences Reviews*.2020; Volume 8, (3) : 599– 609
- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin, Zulkurnain Bin Hassan. Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej
- Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, eISSN: 2600- 8815
- Siti Marpuah, Mohammad Ghazali, Nur Kholis, Syahrudin, Muhammad Najmi Hassan, Lasmi. Kesan Pembelajaran Online di Musim Pandemik Covid 19 Terhadap Perkembangan Akhlak Pelajar. e- ISSN:2710-5962. 2022; Vol.2 No.2: 43-50

Siti Nurhamiyah Mail, Laili Farhan Md Ibrahim. Pengaruh Sikap Terhadap Pelajar di UPSI Apabila Menggunakan Aplikasi Permainan Atas Talian. *Journal of Humanities and Social Sciences* e- ISSN:2721-8104.

Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman. Peralihan dari Pembelajaran Bersemuka Ke Pembelajaran Secara Atas Talian Untuk Subjek Mechanical Of Civil Engineering Structures Semasa Pandemik COVID-19. *Anp Journal Of Social Science And Humanities*.2022; Vol. 2 No 2